

JHEP Anjur Kursus Bimbing dan Perkasa PSM MSM Sesi 2018/2019 UMS

Terakhir dikemaskini: Rabu, 29 Ogos 2018 16:21 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 304

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



RABU, 29 OGOS - Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Kursus Bimbing dan Perkasa Pembimbing Suai Mesra (PSM) Minggu Suai Mesra (MSM) bagi Sesi 2018/2019 selama tujuh hari sehingga Ahad lalu di Dewan Kolej Kediaman

Tun Fuad, UMS.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan JHEP, kursus itu antara lain bertujuan untuk memantapkan semangat jati diri, disiplin, kebersamaan, kerjasama dalam berpasukan dan pendedahan kepimpinan kepada para peserta.

“Kursus ini terbahagi kepada dua iaitu kursus Bimbing dan kursus Perkasa yang menyaksikan seramai 33 pemimpin pelajar daripada Majlis Tertinggi (MT) dan Majlis Eksekutif (ME) menyertai Kursus Bimbing selama dua hari.

“Manakala kursus Perkasa melibatkan mahasiswa UMS yang terpilih iaitu seramai 241 orang termasuk MT dan ME selama tiga hari,” demikian menurut kenyataan itu.

Kursus tersebut diselaraskan Ketua Bahagian Pembangunan Pelajar, JHEP Mardena Jiwan.

Fasilitator-fasilitator lain yang terlibat terdiri daripada pegawai-pegawai JHEP iaitu Adzmil Abidin, Jumrat Minsun, Alan James, Mohd Jamal Atong, Harun Tambiri, Fazilah Nur Ahmad, Norain Abd. Razak, Norhana Nordin, Rohaizam Lamdin, Jalani Moxsin, Faridah Samsuddin, Rodzal Mohd Shaffri dan Wenley Joy.

Majlis perasmian penutupan disempurnakan Ketua Jabatan, Ahmadi Nurdin yang mewakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr. Ismail Ali. Ahmadi turut menyempurnakan penyerahan watakah pelantikan kepada PSM MSM sesi 2018/2019.

Turut hadir pada majlis itu ialah Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin; Pengetua Kolej Kediaman Tun Fuad, Dr. Puteri Hayati Megat Ahmad; Pengarah Kursus PSM MSM Kali Ke-24 UMS, Muhd Jivean Johan Wira Ahmad; serta pegawai-pegawai dan staf JHEP.

Sumber: Harun Tambiri

Foto : Rohaizam Lamdin